



DR. MAHATHIR Mohamad (tengah) bergambar bersama ahli panel (dari kiri). Prof. Francis A. Boyle, Dr. Helen Caldicott, Denis Halliday, Han Christof Von Sponeck, Prof. Dr. Michel Chossudorky dan Mukhriz Mahathir selepas mempengerusikan Forum Keamanan Global Perdana di Putrajaya, semalam.

# GPO sepakat gerak NGO tolak perang

Laporan HELMI MOHD FOAD dan FAUZI JAAFAR

**P U T R A J A Y A** 21 Jun - Pertubuhan Keamanan Sedunia Perdana (GPO) sepakat untuk menggerakkan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dalam dan luar negara bagi melaungkan suara kedamaian dan menolak peperangan sebagai penyelesaian masalah antara dua negara.

Pengerusi GPO, Tun Dr. Mahathir Mohamad percaya, NGO boleh memainkan peranan penting dalam mencapai misi untuk menjadikan dunia ini lebih aman dan tidak dipengaruhi oleh mereka yang ingin berperang tanpa asas yang kukuh.

"Kami akan menyediakan segala bantuan kepada NGO yang boleh mempengaruhi mereka supaya menyeru kepada kedamaian dan keamanan sejagat serta menolak peperangan," katanya.

Bercakap pada sidang akhbar selepas penggulungan sesi panel dan dialog Forum Keamanan Global Perdana 2006 di Yayasan Kepimpinan Perdana, di sini hari ini, beliau berkata, pengaruh NGO sebenarnya tidak boleh dipertikaikan oleh mana-mana pihak.

Dr. Mahathir mengakui usaha menolak peperangan sebagai penyelesaian masalah antara dua negara bukan sesuatu yang mudah, tetapi beliau percaya sekurang-kurangnya masyarakat perlu diberi kefahaman tentang kezaliman dalam peperangan.

Bekas Perdana Menteri itu memberitahu, jika NGO boleh mempengaruhi orang ramai walaupun dalam jumlah yang tidak ketara, maka ia juga boleh mempengaruhi keputusan pilihan raya terhadap calon yang sukakan

peperangan.

Dengan itu, tambah beliau, calon pilihan raya akan sedar bahawa rakyat tidak suka peperangan dan calon selepasnya akan lebih berhati-hati.

"Kami juga harap NGO tempatan akan berhubung dengan NGO luar negara dalam misi untuk menyampaikan suara menolak peperangan," katanya.

Sehubungan itu, katanya, usaha GPO menolak peperangan walaupun melalui 'suara dan pendapat' sekurang-kurangnya akan dapat mempengaruhi pemikiran pemimpin yang terlalu inginkan peperangan itu.

"Mungkin Bush (Presiden Amerika Syarikat) atau pegawainya yang mendengar mesej kami boleh mempengaruhi Bush (untuk menolak peperangan)," katanya.